

21/12/1999

Belanjawan 2000 dibentang 29 Februari

far; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Isnin - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan membentangkan semula Belanjawan 2000 di Dewan Rakyat pada 29 Februari depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, belanjawan berkenaan yang dibentangkan untuk kali kedua selepas pemansuhan Parlimen untuk membolehkan pilihan raya diadakan pada 29 November lalu, akan dibahaskan terlebih dulu sebelum diluluskan.

Beliau menjelaskan, sesi Dewan Rakyat selama empat hari bermula hari ini bertujuan meluluskan peruntukan awal untuk meneruskan perbelanjaan kerajaan bagi tempoh dua atau tiga bulan pertama.

"Peruntukan sementara ini bukan Belanjawan untuk dibahas. Ini diperuntukkan kepada Parlimen untuk diluluskan dan biasa dibuat sebelumnya.

"Belanjawan yang akan dibahas ialah pada Februari ini, yang mana kita akan mengemukakan semula Belanjawan 2000 pada 29 Februari," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Belanjawan 2000 dibentangkan oleh Daim pada 29 Oktober lalu, tetapi tidak sempat diluluskan kerana Parlimen dibubarkan pada 11 November lalu untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan.

Inilah kali pertama dalam sejarah Parlimen dibubarkan sebelum Belanjawan negara diluluskan untuk sesuatu tahun berkenaan, yang memerlukan ia dibentangkan bagi kali kedua.

Peruntukan yang dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama ialah Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1999.

Empat rang undang-undang lain turut dibentangkan iaitu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 dan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999.

Perdana Menteri berkata, peruntukan Belanjawan berkenaan perlu diluluskan segera kerana 1999 akan berakhir tidak lama lagi dan gaji kakitangan kerajaan perlu dibayar.

"Kita perlu meluluskan peruntukan Belanjawan sebelum Belanjawan 2000 diluluskan pada Februari.

"Kalau kita tidak membayar gaji, maka pegawai kerajaan akan menghadapi masalah besar. Maka orang yang bertanggungjawab sepatutnya memudahkan proses ini, bukan menimbulkan masalah," katanya.

Ketika persidangan dimulakan sebelum itu, Presiden Pas yang juga Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Nor, mempertikaikan kesahihan persidangan berkenaan dan meminta mesyuarat ditangguhkan.

(END)